



01 FEB, 2021

Buka 22 pasar tani berperingkat

Sinar Harian, Malaysia

Page 1 of 2

Buka 22 pasar tani berperingkat



Izham (dua dari kanan) dan Pengarah Lembaga Pemasaran Pertanian Persekutuan (FAMA) Negeri Selangor, Abdul Rashid Bahri (kanan) meninjau tahap pematuhan SOP Pasar Tani di pekarangan Stadium Shah Alam pada Ahad.

SHAH ALAM - Pasar tani di Selangor akan dibuka semula secara berperingkat bagi memastikan pelaksanaan prosedur operasi standard (SOP) dapat diikuti oleh semua pihak dalam tempoh Perintah Kawalan Pergerakan (PKP).

Exco Infrastruktur dan Kemudahan Awam, Pemodenan Pertanian dan Industri Asas Tani, Ir Izham Hashim berkata, buat masa ini, sebanyak 22 daripada 48 pasar tani yang berdaftar di seluruh negeri itu akan dibuka kepada orang awam.

“Pembukaan semula pasar tani ini akan dimulakan dengan Pasar Tani Stadium Shah Alam hari ini (Ahad). Insha-

ALLAH publisiti pembukaan ini akan kita lakukan lebih kerap bagi membantu peniaga kita khususnya dalam memasarkan produk pertanian serta barang mentah seperti daging dan lain-lain.

“Kita buka secara berperingkat berdasarkan keadaan semasa penularan Covid-19,” katanya selepas meninjau pelaksanaan SOP di Pasar Tani Stadium Shah Alam pada Ahad.

Katanya, pasar tani di negeri ini sejak minggu lalu tidak dibenarkan beroperasi bagi membolehkan pihaknya menyemak semula SOP pengoperasian pasar tani. - *Bernama*



01 FEB, 2021

Buka 22 pasar tani berperingkat

Sinar Harian, Malaysia

Page 2 of 2

SUMMARIES

Izham (dua dari kanan) dan Pengarah Lembaga Pemasaran Pertanian Persekutuan (FAMA) Negeri Selangor, Abdul Rashid Bahri (kanan) meninjau tahap pematuhan SOP Pasar Tani di pekarangan Stadium Shah Alam pada Ahad.

SHAH ALAM - Pasar tani di Selangor akan dibuka semula secara berperingkat bagi memastikan pelaksanaan prosedur operasi standard (SOP) dapat diikuti oleh semua pihak dalam tempoh Perintah Kawalan Pergerakan (PKP).